

Wong Dan Kunci-Kunci Tinggalkan TERAS Untuk Tubuh UPP

Bernama
July 17, 2014

KUCHING, 17 Julai (Bernama) -- Senario politik Sarawak menempuh satu lagi laluan yang berliku hari ini apabila empat wakil rakyat yang meninggalkan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) pada Mei lalu untuk menyertai Parti Tenaga Rakyat Sarawak (TERAS) sekarang menubuhkan parti baharu dikenali sebagai Parti Rakyat Bersatu (UPP).

Ketika mengumumkan demikian, seorang daripada wakil rakyat itu, Datuk Seri Wong Soon Koh, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bawang Assan, berkata keputusan untuk menubuhkan UPP, yang didaftarkan pada Isnin lepas, dibuat demi kebaikan untuk mereka bagi mengharungi masa depan.

"Kami telah membuat kesimpulan bahawa adalah lebih baik bagi bekas YB (Yang Berhormat) dari SUPP dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) untuk bergerak di platform yang berasingan," kata beliau pada sidang media di sini.

Tiga lagi wakil rakyat yang mengikut jejak langkah Wong dalam UPP ialah Datuk Dr Jerip Susil yang juga ADUN bagi Bengoh, Ranum Mina (Opar) dan Dr Johnical Rayong Ngipa (Engkilili).

Turut hadir pada sidang media itu ialah bekas presiden SPDP, Tan Sri William Mawan Ikom dan tiga lagi bekas wakil rakyat SPDP iaitu Datuk Sylvester Entri Muran, Paulus Palu Gumbang dan Rosey Yunus yang mengumumkan menyertai TERAS pada 15 Mei lepas.

Wong berkata walaupun telah meninggalkan parti, mereka akan meneruskan kerjasama dengan UPP dengan memberi tumpuan kepada masyarakat Cina sementara TERAS akan memberi fokus kepada masyarakat Dayak.

Beliau berkata UPP akan cuba menghidupkan semula semangat silam SUPP yang menurut beliau tidak lagi wujud.

Sementara itu, Mawan berkata penubuhan UPP dan kerjasamanya dengan TERAS meletakkan kedua-dua parti dalam kedudukan lebih baik untuk mendepani cabaran terutama daripada mereka yang menentang keputusan untuk menyertai Barisan Nasional.

Seperti yang kami mahu untuk bergerak atas landasan dan entiti yang berasingan tetapi masih terdapat pemusatan pemikiran antara kami," katanya.

Beliau menyifatkan kerjasama TERAS dengan UPP sebagai "kumpulan yang mempunyai dua barisan hadapan dan banyak barisan pertahanan."

Beliau mengakui bahawa ia akan mengambil masa untuk sesetengah penyokong mereka

untuk menerima langkah itu sambil berkata: "Kami mengenali orang seperti garisan lurus tetapi kami tidak perlu membentuk garisan lurus."

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054305>